

Pelantikan satu cabaran jalankan peranan lebih berkesan — Zam

UM 2 1 NOV 2002

KUALA LUMPUR
20 Nov. — Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin (Zam) menganggap pelantikannya ke jawatan yang lebih tinggi sebagai cabaran untuk menjalankan peranan yang lebih berkesan di kementerian itu.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana memberi kepercayaan kepadanya walaupun masih baru dalam kerajaan.

Zainuddin memberitahu, tumpuannya kini adalah untuk terus mengingat dan menerangkan kepada rakyat mengenai semua dasar kerajaan dan paling utama bahaya serta ancaman gerakan ekstremisme dan chauvinisme yang dilihat sebagai musuh utama negara.

“Gerakan ekstremisme dan chauvinisme melalui parti politik termasuk DAP, Pas dan Dong Jiao Zong perlu dihapuskan dan ini akan saya jadikan perjuangan yang paling utama.

“Ekstremis kaum dan agama ini perlu dihapuskan kerana ia tidak lagi boleh diterima oleh generasi muda pelbagai kaum di negara ini,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Semalam, kerajaan mengumumkan satu rombakan kecil Kabinet yang turut menyaksikan pelantikan Ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai menteri penuh di jabatan yang sama.

“Selama di Kementerian Penerangan saya dapat menjalankan tanggungjawab yang diberi menerusi persefahaman yang wujud dengan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob,” kata Zainuddin.